

## **Wakaf Sebagai Alternatif Pembiayaan Pendidikan Tinggi**

**Mohd. Ali bin Muhamad Don**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kampus Pasir Gudang,  
Johor Darul Takzim

### **ABSTRAK**

Peranan wakaf dalam menyediakan prasarana dan kemudahan pendidikan tinggi sudah terbukti dengan tertubuhnya Universiti Nizamiyyah di Baghdad, Universiti Qurawiyun di Tunisia, dan Universiti al-Azhar di Mesir. Malah di Malaysia institusi pendidikan Islam seperti pondok, madrasah, maa'had dan kolej juga didirikan di atas tanah wakaf. Namun dengan perkembangan semasa wakaf tanah untuk institusi pendidikan sahaja tidak lagi relevan dan wajar diperluaskan. Malah sudah ada golongan ibu bapa yang seolah-olah menjerit memohon simpati bagi membantu membayai kos pengajian anak-anak mereka. Justeru kajian ini ingin mengenal pasti kaedah pembiayaan pendidikan tinggi berasaskan wakaf yang sudah dilaksanakan oleh beberapa buah Institusi Pengajian Tinggi sebagai model untuk dicontohi. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual untuk mendapatkan data yang diperlukan. Dapatan kajian jelas menunjukkan betapa peranan wakaf untuk pembiayaan pendidikan tinggi berupaya meringankan bebanan pendidikan terutama oleh golongan yang kurang berkemampuan. Justeru kejayaan pelaksanaannya wajar dicontohi demi menyemarakkan lagi sunah berwakaf di kalangan Muslimin. Kata kunci; Wakaf, Wakaf Pendidikan Tinggi, Wakaf Universiti, Biasiswa.

## 1.0 PENDAHULUAN

Wakaf menjadi mekanisme terpenting pembangunan ilmu, pemikiran dan kebudayaan dalam negara Islam menerusi pembinaan ilmu dan penyebarannya di masjid, kuttab, sekolah dan kolej-kolej. Daripada institusi wakaf lahir tokoh-tokoh intelektual Islam dalam pelbagai disiplin ilmu antaranya al-Khawarizmi, Jabir bin Hayyan, Ibnu Sina, al-Razi dan Ibn Hisyam (Siyad Faisal, 2010).

Legasi kecemerlangannya melampaui sempadan geografi negara hingga sekolah-sekolah pondok, madrasah dan kolej di Tanah Melayu dibangunkan dengan dana wakaf. Pelbagai lapisan masyarakat daripada kalangan orang awam, pihak istana dan individu kaya bukan Islam menyumbangkan harta dalam bentuk tanah dan wang ringgit untuk membiayai keperluan pendidikan ini.

Sebagai contohnya Kolej Islam Malaya (KIM) yang ditubuhkan pada tahun 1955, didirikan di atas tanah wakaf Istana Jamiah sumbangan Almarhum Sultan Hishamudin Alam Shah (Abdullah et.al., 2005). Kempen “Mogok Lapar” juga pernah diadakan bagi menggalakkan orang ramai mengurangkan perbelanjaan harian dan lebihannya disalurkan kepada KIM (*ibid.* h. 103). Malah sesuatu yang menarik untuk diperkatakan apabila Dato’ Lee Kong Chian dan The Shaw Brothers turut mendermakan sejumlah RM 50,000 kepada KIM (*ibid.*, h. 65). Perlu difahami walaupun ia merupakan sumbangan derma, fatwa Mufti Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 27 Oktober 2009 telah mengiktiraf sumber dan segala harta yang berkembang daripadanya adalah tertakluk kepada hukum pensyariatan wakaf. [MAIS/PM/BUU/01-1/001/7-sj Bil. 2/2008; PU. Sel. AGM. 0007. Jld. 2].

Terkini beberapa buah IPT di Malaysia kembali menghidupkan sunah berwakaf dengan memperkenalkan skim wakaf di institusi masing-masing. Perkembangan ini dilihat bermula pada akhir tahun 90an dan semakin rancak dilaksanakan pada masa kini. Antara lain disebabkan oleh faktor kepatuhan terhadap ajaran agama yang semakin meningkat dan keinginan yang kuat untuk beroleh ganjaran yang berkekalan dengan melibatkan diri dalam sumbangan kemasyarakatan (Hossien Ismaeili, 2010).

## 2.0 KEPERLUAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN BERASASKAN WAKAF

Isu kekurangan pembiayaan untuk pendidikan tinggi bukanlah masalah baharu. Akhbar Utusan Malaysia (2007, 25 Februari) pernah melaporkan sejumlah 50 buah institut latihan kemahiran swasta bumiputera berisiko ditutup kerana pembekuan pembiayaan daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Ekoran daripada itu kolej-kolej swasta menghadapi krisis kewangan bagi menampung kos operasi dan menjelaskan pinjaman bank sehingga ada yang terpaksa ditutup. Menurut Roslina & Rahisam (2015), masalah tersebut berlanjutan hingga ke hari ini sehingga wakaf dilihat sebagai mekanisme yang mampu melonjakkan pembangunan IPTS.

Selain daripada itu masalah pinjaman PTPTN yang tidak berbayar juga merunsingkan pihak kerajaan ([www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)). Beberapa inisiatif penyelesaian hutang dibentangkan mulai pada bajet 2013. Antaranya pemberian diskain 20% ke atas penyelesaian baki hutang semasa dan peminjam yang membuat ansuran bayaran balik mengikut jadual diberi diskain sebanyak 10% ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)).


Terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa pelajar di IPT menghadapi masalah kewangan seperti mana dapatan kajian oleh Christina Andin et.al. (2010) yang mendapati separuh daripada 118 responden (51.8%) di Kolej 17 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menghadapi masalah kewangan, seperti tidak mampu membeli buku rujukan, amat memerlukan pekerjaan semasa cuti panjang dan masalah menjelaskan yuran persatuan. Keadaan ini menimbulkan persepsi negatif mengenai pembiayaan pendidikan yang tinggi dan menyusahkan. Ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan oleh P01 (Temu bual oleh Pengkaji, 2015, 15 Januari) yang mengatakan;

“Tengok budak budak makan, lelaki.. Uh ! nampak macho, pergi ke kantin aa..cik nasi, cik bagi nasi, letak kuah eh..lauk dik.. aa...saya tak makan lauk. eksyen.. tak de duit aah..Kita tau tak de duit tapi tak nak mengaku...”.

Pelajar-pelajar perubatan yang menuntut di luar negara seperti di Mesir dan Indonesia juga turut menghadapi masalah kewangan yang meruncing dan gagal meneruskan pengajian. (Utusan Malaysia, 2015, 7 April). Susulan daripada itu Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah menjelaskan tentang peranan wakaf bagi membantu meringankan bebanan kewangan kerajaan sambil memberi contoh penubuhan Madrasah al-Nizamiyah al-Nuriyah yang dibangunkan dengan dana wakaf (Mingguan Malaysia, 2015, 18 Oktober).

Bebanan kewangan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan kepada IPT juga menunjukkan trend meningkat setiap tahun. Rajah berikut menunjukkan bajet kepada Kementerian Pengajian Tinggi dari tahun 2010 hingga 2015 yang lalu.

Rajah 2.0 Bajet Universiti 2010-2015



Sumber: Zaini Ujang (2013) & Ulasan Pengkaji

Bagi mengatasi masalah tersebut pihak kerajaan mencadangkan supaya IPT mempelbagaikan sumber kewangan dengan mewujudkan Tabung Endowmen dan Wakaf (Muhyiddin Mohd. Yassin, 2015, 7 April). Ini juga berkaitan dengan saranan kerajaan supaya IPT terutama universiti awam mencari dana sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan lagi. Malah bajet 2016 yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini jelas menunjukkan keseriusan pihak kerajaan dengan memotong sebanyak 2.4 billion peruntukan kepada KPT berbanding bajet tahun 2015 yang lalu. (<http://www.bhplus.com.my/>)

Justeru itu peranan wakaf sebagai alternatif pembiayaan pendidikan kepada pelajar di IPT amat signifikan untuk diperkembangkan dan diperluaskan bagi pembangunan pendidikan tinggi di Malaysia.

### 3.0 BEBERAPA CONTOH PEMBIAYAAN PENDIDIKAN TINGGI DI IPT

Beberapa buah IPT di Malaysia telah memperkenalkan konsep wakaf untuk membiayai keperluan universiti dan para pelajar (Siti Mashitoh & Asmak, 2014). Pengenalan skim wakaf di IPT ini bertujuan untuk menerima aset, sumbangan wang tunai, saham, aset-aset kewangan daripada dalam dan luar negara sebahagiannya untuk membiayai pemberian biasiswa kepada golongan pelajar yang memerlukan.

Antara yang terawal ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang memperkenalkan skim wakaf pada tahun 1999, kemudian terpaksa ditukar kepada istilah *endowment fund* kerana bersalah dengan peruntukan enakmen negeri yang menetapkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai pemegang tunggal amanah wakaf. Akram (2012) mendakwa pertukaran itu berkait rapat dengan aspek perundangan pentadbiran wakaf di Malaysia yang tidak membenarkan mana-mana pihak mewujudkan wakaf tanpa kebenaran dari pada Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN), walaupun daripada segi pelaksanaannya adalah wakaf. Antara lain objektif pengenalan skim *endowment fund* ini ialah untuk mengumpul dana wakaf bagi tujuan pendidikan dan penyelidikan, menyediakan biasiswa dan bantuan pendidikan, membangunkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan, merealisasikan niat asal pewakaf dan melabur dalam sektor yang dibenarkan syariat (Maliah, 2009). *International Islamic University of Malaysia's Waqf Fund* (IEF) merupakan jabatan di bawah Pejabat Rektor UIAM yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan dana wakaf ini (IIUM Endowment Fund Performance Report, 2008). Sejak diperkenalkan IEF sudah berjaya memberikan biasiswa penuh kepada pelajar terpilih dari dalam dan luar negara mengikut syarat pewakaf. Kesemua keperluan kewangan pelajar terbabit meliputi kos sepanjang pengajian, sara hidup, kemudahan komputer riba dan kos sewa penginapan dibiayai dengan biasiswa yang berjumlah RM42,000 setiap seorang. Menurut P03 (Temu bual oleh Pengkaji, 2014, 20 Februari)

“..Biasiswa yang kita namakan sekarang ni Azman Hashim IIUM Ummatic Scholarship. Satu tahun kita boleh sponsor full board, duit makan, duit fees, duit hostel semua..”

UKM juga memperkenalkan Dana Wakaf Ilmu UKM (DWIUKM) untuk memudahkan masyarakat universiti dan orang ramai menyumbang berdasarkan konsep wakaf dan sedekah kepada universiti.

Manfaatnya pula disalurkan kepada tiga bidang utama iaitu pendidikan, penyelidikan dan khidmat universiti ([www.waqaf.ukm.my](http://www.waqaf.ukm.my)). Dalam hal ini pihak UKM telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MAIS yang membawa kepada pembukaan sebuah akaun dikenali Tabung Dana Waqaf UKM bagi menyimpan semua dana wakaf yang diserahkan oleh UKM kepada MAIS ([www.ukm.my](http://www.ukm.my)). Diperingkat universiti, Yayasan Canselor UKM (YC) bertindak selaku urus setia untuk mempromosikan DWIUKM di dalam dan di luar universiti serta dibenarkan mengutip sumbangan wakaf mengikut polisi dan prosedur kewangan UKM selain sebagai ahli dalam jawatankuasa pengurusan DWIUKM bersama pihak MAIS.

Universiti Putra Malaysia (UPM) pula mengadaptasikan konsep wakaf tunai bagi tujuan pendidikan dengan skim wakaf yang dikenali sebagai Wakaf Ilmu UPM. Manfaatnya digunakan menyediakan bantuan melalui Skim Wakaf Pendidikan yang terbahagi kepada;

- i. Bantuan "Dermasiswa Asasi" pelajar laluan pantas Pusat Asasi Sains Pertanian; dan
- ii. Bantuan "Dermasiswa Penyelidikan" pelajar tahun akhir program ijazah sarjana muda. ([www.fund4knowledge.upm.edu.my/ezakatputra](http://www.fund4knowledge.upm.edu.my/ezakatputra))

Bagi menyelaras pelaksanaan skim wakaf ilmu ini pengurusan Dana Wakaf Ilmu UPM (DWIUPM) turut bekerjasama dengan MAIS melalui MoU yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak. MAIS juga telah membuka sebuah akaun khas yang dikenali sebagai Akaun Khas Dana Wakaf Ilmu UPM untuk menyimpan kesemua dana yang berjaya dikumpulkan. Selain itu, Jawatankuasa Syariah Dana Wakaf Ilmu (JSDWI) UPM serta Jawatankuasa Dana Wakaf Ilmu (JDWI) UPM turut ditubuhkan (ibid.).

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga memperkenalkan Tabung Endowmen UTM pada tahun 2009 sebagai usaha untuk menjana pendapatan sendiri. Direkodkan pada tahun 2013 jumlah dana terkumpul adalah sebanyak RM50 juta yang diperoleh daripada sumber potongan gaji seramai 407 staf dan sumbangan pihak industri. Pada tahun 2013 juga pengurusan Tabung Endowmen UTM telah membiayai pengajian seramai 260 orang pelajar yang memerlukan. (Warta Endowmen, 2014). Malah UTM bercita-cita besar untuk menawarkan pembiayaan pengajian percuma kepada semua pelajar ijazah pertama yang menuntut di universiti tersebut menggunakan dana endowmen yang diperoleh. (<http://www.pendidikanmalaysia.com/2012/07/universiti-teknologi-malaysia-utm-beri.html> ).

Selain itu Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkenalkan Tabung Amanah Biasiswa dengan objektif untuk memberi bantuan biasiswa kepada mahasiswa yang kurang berkemampuan melalui dana sumbangan warga UMS sendiri. Manakala Seksyen Endowment UMS adalah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan dana ini. ([www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), 2014, 19 November). Universiti Malaysia Pahang (UMP) menukuhkan Tabung Amanah Endowment sebagai inisiatif untuk memudahkan warga universiti dan orang ramai menyumbang kepada pembangunan pendidikan secara umumnya. Antara lain tujuan pengenalan tabung ini ialah untuk memberi biasiswa kepada pelajar memerlukan secara tajaan penuh atau sebahagian mengikut kelayakan dan keperluan pelajar. ([www.ump.edu.my/ms/industri/tabung-amanah-endowment](http://www.ump.edu.my/ms/industri/tabung-amanah-endowment))

Beberapa buah IPTS juga sudah mengorak langkah memperkenalkan skim wakaf untuk pembiayaan pendidikan dan pembangunan institusi. Antaranya Universiti Kolej Bestari yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) di Kuala Terengganu. Pengurusan universiti telah mengambil langkah menjual keseluruhan tanah kampus tetap UCB di Setiu Kuala Terengganu berkeluasan 320 ekar dan diwakafkan dengan kadar RM30 bagi 0.1 meter persegi. Konsep jual dan wakaf ini dilihat berjaya menyumbang pulangan lumayan kepada UCB yang sehingga kini sudah berhasil mengumpulkan sebanyak RM 6 juta daripada derma wakaf tersebut. Malah secara purata Yayasan Waqaf Pendidikan Anak Yatim atau Miskin Malaysia (YAWATIM) yang bertanggungjawab menguruskan dana wakaf tersebut berjaya mengumpulkan RM 500,000 hingga RM 600, 000 setiap bulan. (<http://teganukita.my/peyatim-sasar-rm350-juta-skim-tanah-wakaf-pendidikan>) Keunikan skim wakaf UCB dapat diperhatikan kepada manfaat

wakaf tersebut yang disalurkan terus kepada anak-anak yatim dan miskin dalam bentuk pembiayaan pendidikan, kos makanan dan penginapan secara percuma di UCB.

#### **4.0 CABARAN DAN HALANGAN**

Tidak dinafikan dalam usaha untuk menyemarakkan lagi aktiviti berwakaf di Malaysia pihak IPT menghadapi cabaran dan halangan yang tidak dapat dielakkan antaranya ialah;

- i. Halangan Perundangan
- ii. Kesukaran Mendapatkan Dana

##### **4.1.0 HALANGAN PERUNDANGAN**

Pelaksanaan wakaf di Malaysia tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) yang memperuntukkan MAIN selaku pemegang tunggal wakaf di setiap Negeri. Sebagai contohnya Sek. 89 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Selangor Tahun 2003 memperuntukkan;

“Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisyiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal—

- (a) semua wakaf, sama ada wakaf ‘am atau wakaf khas;
- (b) semua nazr ‘am; dan
- (c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak”.

Ini bermakna MAIN satu-satunya institusi di Malaysia yang dibenarkan di sudut perundangan untuk menerima, mengumpul dan memanfaatkan dana wakaf untuk kepentingan umat Islam (Mokhtar, 2014). Walau bagaimanapun menurut Mokhtar (ibid.) lagi masalah ini dapat diatasi jika IPT tersebut ditubuhkan oleh MAIN sendiri. Ini dirujuk kepada penubuhan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) di atas tanah wakaf milik MAIS yang mempermudah aktiviti pengumpulan dan pengagihan manfaat wakaf KUIS. Menurut P02 (Temu bual oleh Pengkaji, 2015, 13 Februari);

“Tapi kalau macam tanah-tanah universiti bila niat dia memang asalnya adalah wakaf by right sebenarnya memang kena register, dia kena transfer harta tu kepada MAIS as a pemegang amanah tunggal. KUIS dia punya tanah memang tanah MAIS..”

#### 4.1.1 KESUKARAN MENDAPATKAN SUMBANGAN WAKAF


Perkara ini berpunca daripada kurangnya kefahaman dan kesedaran umat Islam untuk berwakaf kepada tujuan selain daripada masjid, surau dan tanah perkuburan yang bersifat tradisi. Malah apabila diteliti kejayaan pelaksanaan wakaf di universiti sangat berkait rapat dengan kesedaran umat Islam untuk berwakaf (Fuadah Johari & Mohammad Alias, 2013). Namun realitinya masih ramai yang kurang memahami betapa besarnya pahala wakaf yang berpanjangan buat selama-lamanya. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud;

“Apabila mati anak Adam terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat ataupun anak soleh yang mendoakannya” (Hadis Riwayat Muslim, Kitab al Wasiyah, Bab Ma Yulhiqul Insan min al-Sawab Ba<sup>c</sup>da Wafatihi, Hadis No. 1631)

Dalam hal ini Cizaka (1998), berpendapat keunikan berwakaf untuk membiayai keperluan pendidikan dapat memenuhi ketiga-tiga komponen amal yang bermanfaat sekali gus seperti mana yang disebutkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam hadis di atas.

Masalah kekurangan dana ini dikukuhkan lagi melalui dapatan kajian oleh Siti Zakiah & Hairunnizam Wahid (2014) yang menunjukkan perolehan dana wakaf beberapa buah IPT tidak seimbang di mana ada universiti yang begitu maju dari sudut perolehan dana wakaf, terdapat yang sederhana dan ada pula yang agak jauh ketinggalan. Ini ditunjukkan seperti Rajah 2.0 yang berikut;

Rajah 2.0      Perolehan Wakaf IPT terpilih sehingga Mac 2014



Sumber: Siti Zakiah Binti Ali & Hairunnizam Wahid (2014)

Bersandarkan Rajah 2.0 di atas UIAM didapati memperoleh sumbangan wakaf tertinggi iaitu sebanyak RM 7 juta yang dibangunkan sebuah pusat komersial dikenali Azman Hashim Complex, diikuti oleh UPM dengan nilai aset wakaf tunai berjumlah RM 4.2 juta, USIM RM 2.5 dalam bentuk pembiayaan pembinaan bangunan dan simpanan patuh syariah manakala UKM sekitar RM300,000 sahaja yang diperoleh daripada sumbangan warga universiti dan orang ramai.

Di sudut pandang yang lain segelintir masyarakat Islam tidak pula lokek untuk bersedekah setiap Hari Jumaat ke tabung masjid tanpa mempersoalkan ke mana dan untuk apa wang tersebut dimanfaatkan. Ini dikukuhkan dengan kajian oleh Jaafar Ahmad et.al (2010) yang mendapati jumlah pendapatan keseluruhan 73 buah masjid yang dikaji pada tahun 1999 ialah kira-kira RM5.5 juta dengan purata pendapatan tahunan setiap masjid ialah RM75,000 dan 50% daripadanya diperoleh dari sumbangan derma pada Hari Jumaat. Namun apabila ditawarkan berwakaf yang merupakan saham akhirat tidak ramai yang bersedia untuk menyumbang. Pihak UKM sebagai contohnya pernah menghantar sejumlah 1000 keping surat kepada alumni memohon sumbangan wakaf namun tidak satu pun daripadanya berbalas. Daripada sejumlah kira-kira 9600 orang staf di sebuah universiti awam yang dikaji hanya sekitar 171 orang sahaja yang bersedia untuk mewakafkan gaji mereka ke jalan Allah SWT.

Sehubungan dengan itu usaha yang berterusan untuk membudayakan wakaf dalam kehidupan umat Islam perlu dipergiatkan lagi. Ini kerana wakaf bukan hanya terhad kepada aktiviti khusus semata-mata tetapi menjangkaui pelbagai lapangan kehidupan yang termasuk dalam tuntutan fardu kifayah untuk umat Islam mengadakannya.

## 5.0 CADANGAN PENAMBAIKKAN

Usaha mempertingkatkan kesedaran masyarakat untuk beramal jariah dengan berwakaf perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Mohd Zaim (2015), mencadangkan supaya para pendakwah menambahbaikkan tajuk-tajuk kuliah yang disampaikan di masjid dan surau-surau dengan menimbulkan kesedaran kepada masyarakat tentang keperluan berwakaf dalam pelbagai sektor termasuklah pendidikan tinggi. Selain itu aktiviti promosi dan galakkan untuk berwakaf

boleh diperluaskan dengan penggunaan media baharu dan rancangan realiti tv yang mendapat sambutan menggalakkan pada masa kini.

Ini kerana aktiviti berwakaf masih dilihat dalam konteks yang sempit dan terhad kepada pembinaan masjid, surau dan tapak perkuburan sahaja (Zaini Ujang, 2010). Malah terdapat segelintir yang memandang skeptikal terhadap pelaksanaan skim wakaf oleh IPT sehingga enggan menyumbang kepada universiti. Sedangkan apabila diteliti wakaf pernah digunakan untuk membangun gedung perniagaan seperti Grand Bazar di Turki, *caravanserai* (pusat rehat dan rawat bagi para musafir), *hammam* (ruang mandi awam), *imaret* (dapur awam yang menyediakan makanan percuma) dan banyak lagi (Razali Othman, 2013, h. 67-69).

Untuk tujuan itu juga usaha-usaha mempromosikan skim wakaf universiti perlu diselaraskan dengan menunjukkan bukti kegunaan dana untuk keperluan dan kemudahan para pelajar. Dengan cara ini persepsi negatif terhadap pengurusan wang kebaikan dan sumbangan orang ramai dapat diminimumkan. Selain itu pengurusan dana wakaf universiti perlu bersikap proaktif dengan menyatakan penghargaan dan tanda terima kasih kepada para pewakaf melalui pelbagai kaedah termasuklah melalui penggunaan media baharu yang meluas digunakan masa kini.

Ini kerana menurut Najibah Mustaffa & Mohd Zamri (2014), pembiayaan pendidikan menerusi instrumen wakaf mampu mengurangkan masalah keciran pelajar dan ketinggalan anak Melayu yang tidak dapat meneruskan pengajian atas faktor kemiskinan.

## 6.0 KESIMPULAN

Pembiayaan wakaf kepada bidang pendidikan tinggi termasuk satu dari pada cabang muamalat Islam yang luas dan mampu merealisasikan kedua-dua tuntutan ibadah dan kebaikan para pelajar sekali gus. Sungguhpun begitu ia wajib mematuhi segenap garis panduan syarak yang berpaksikan kepada peraturan wahyu Ilahi dan garapan pemikiran para mujtahid yang muktabar bagi melicinkan aspek pelaksanaannya. Hal ini penting untuk dipatuhi sepenuhnya agar amalan kebaikan yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti berwakaf mampu menjadi mekanisme pembiayaan pendidikan terbaik sekali gus meraih keredaan Ilahi. Namun persoalannya sejauh manakah masyarakat Islam hari ini bersedia untuk mewakafkan sebahagian harta mereka kepada IPT bagi menyediakan basiswa pelajaran untuk golongan pelajar yang memerlukan?. Allah SWT berfirman maksudnya;

“Kamu sesekali tidak sampai kepada kebaktian yang sempurna sebelum kamu belanjakan sebahagian harta yang kamu cintai dan apa sahaja yang kamu belanjakan itu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui”.(Surah ali-‘Imran:92).

## SENARAI RUJUKAN

Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid & Hairunnizam Wahid, (2010), Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. National Workshop on Capacity Building Towards Excellance in Econ. Research & Policy Formulation, 23–24 April 2001, Fakulti Ekonomi UKM dan UUM. 1–13.

Noraini Jusoh, Peyatim sasar RM350 Juta Skim Tanah Waqaf Pendidikan. <http://teganukita.my/peyatim-sasar-rm350-juta-skim-tanah-wakaf-pendidikan/>. Diakses pada 10 November 2015.

Syeikh Ali Muhammad Mu<sup>c</sup>wad & Syeikh <sup>c</sup>Adil Ahmad Abdul Mawjud, (1994), pnyt. *Mughni al-Muhtaj oleh al-Syarbiniy, Shams al-Din bin Muhammad bin Muhammad al-Khatib*, Beirut, Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>ilmiah, h. 522.

Pengurangan peruntukan tidak jejas KPT: Idris. <http://www.bhplus.com.my/node/91594>. Diakses pada 30 Oktober 2015.

Abdullah Muhammad Zin, Zulkiple Abd. Ghani & Abdul Ghafar Hj. Don, (2005), *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok ke Universiti*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45.

Al-Ustaz Syiyad Faisal (2010) *Daur Al-Waqf Fi Tamwil Al-Jami'at Wa D<sup>c</sup>mi Al-Bahs Al-<sup>c</sup>Ilmi*, Mu<sup>c</sup>tamar Asar al-Waqf fi al-Nahdah al-<sup>c</sup>Ilmiyah Jami<sup>c</sup>ah al-Syariqah, 9-10 Mei 2010, h. 1.

Astro Awani, (2015, 25 Oktober) IPTA Awam digesa cari dana sendiri - Idris Jusoh. <http://www.astroawani.com/berita-bisnes/ipta-awam-digesa-cari-dana-sendiri-idris-jusoh-77918> Diakses pada 15 Oktober 2015.

Christina Andin et.al., (2010), *Kajian Tentang Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar – Pelajar Yang Menginap Di Kolej* 17 Utm Skudai, Johor. [http://eprints.utm.my/10815/1/Kajian\\_Tentang\\_Masalah\\_Yang\\_Dihadapi\\_Oleh\\_Pelajar.pdf](http://eprints.utm.my/10815/1/Kajian_Tentang_Masalah_Yang_Dihadapi_Oleh_Pelajar.pdf). Diakses pada 5 November 2015.

<sup>c</sup>Isam al-Sababatiy et. al., (2001), pnyt., Nawawiy-Sahih Muslim bi Syarh al, Kitab al Wasiyah, Bab Ma Yulhiqul Insan min al-Sawab Ba<sup>c</sup>da Wafatih, Hadis No. 1631, Jil. 6, Kaherah: Dar al-Hadis.

*Dana Waqaf UKM dilancar.* <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-kampus/322-ukm-waqaf-fund-launched.html>. Diakses pada 26 April 2015.

Dr. Fuadah Johari & Prof. Dato' Dr. Mohammad Haji Alias, (2013), *Potential of Waqf Funds and Instrument in Contemporary Economic System*. Proceeding of the 5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013)

Dr. Hossien Ismaeili, (2010), *The Relationship Between The Waqf Institution In Islamic Law And The Rule Of Law In The Middle East*. <http://waqfacademy.org/>. Diakses pada 3 September 2015. h. 6.

IIUM Endowment Fund Performance Report 2008, h. 3.

Maliah Sulaiman et.al., (2009) *Trust Me! A Case Study Of The International Islamic University Malaysia's Waqf Fund, International Association For Islamic Economics , Review Of Islamic Economics , Vol. 13 , No. 1, 2009.*

Mokhtar Ismail, (2014), *Memperkasa Ekonomi dan Kewangan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia: Pandangan dan Cadangan*, E-Proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014), 26-27 May 2014, Synergizing Knowledge on Management and Muamalat (E-ISBN: 978-983-3048-92-2), h. 278.

Murat Çizakça. (1998) *Awqaf In History And Its Implications For Modern Islamic Economies*, The Journal Islamic Economic Studies, Vol. 6, No. 1, November 1998, h. 49.

Najibah Mustaffa & Mohd Zamro bin Muda, (2014), *Pengurusan Wakaf di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur*, UMRAN International Journal of Islamic and Civilization Studies.

Pengurusan Yayasan Canselor UKM. <http://www.ukm.my/yc/Endowmen.html#pengurusan>. Diakses pada 2 Julai 2014.

Roskhoirah Yahya, (2015, 18 Oktober), Wakaf Ringankan Kos Pendidikan Pelajar. Mingguan Malaysia, h. 3.

Roslina Hashim & Rahisam Ramli, (2015), [http://www.researchgate.net/publication/281522016\\_PROSPEK\\_PENJANAAN\\_DANA\\_WAKAF\\_IN\\_STITUSI\\_PENGAJIAN\\_TINGGI\\_\(IPT\)\\_MELALUI\\_INSTRUMEN\\_PELABURAN](http://www.researchgate.net/publication/281522016_PROSPEK_PENJANAAN_DANA_WAKAF_IN_STITUSI_PENGAJIAN_TINGGI_(IPT)_MELALUI_INSTRUMEN_PELABURAN). Diakses pada 10 November 2015.

Siti Mashitoh Mahamood & Asmak Ab Rahman (2014). *Waqf financing For Higher Education: Contemporary Funding Applications in Some Selected Countries*, dlm. Wan Kamal Mujani. (2014). pnyt. Pelestarian Institusi Wakaf Memperkasa Pendidikan Tinggi. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, h. 268.

Siti Zakiah Binti Ali & Hairunnizam Wahid (2014), *Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia*, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke

UPM-MAIS Bekerjasama Urus Dana Wakaf Ilmu UPM, Diakses pada 26 April 2015. <http://www.upm.edu.my/berita/details/upmmaiskerjasamaBM>.

[www.ptptn.gov.my/docs/Bajet2013/Bajet2013\\_Lampiran\\_A.pdf](http://www.ptptn.gov.my/docs/Bajet2013/Bajet2013_Lampiran_A.pdf). Diakses pada 28 Okt 2012.

[www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20121011/dn\\_22/PTPTN-tawar-sistem-ujrah-kepada-peminjam-disenarai-hitam](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121011/dn_22/PTPTN-tawar-sistem-ujrah-kepada-peminjam-disenarai-hitam), Diakses pada 28 Okt 2012.

Zaini Ujang, (2013), *Kerangka Kewangan Pengajian Tinggi di Malaysia*, Skudai, Penerbit UTM, h. 40.

Dr. Mohamad Akram Laldin, (September, 2012). *Waqaf in Education Funding: The Experience of International Islamic University Malaysia in Managing Endowment (Waqaf) Fund*. h. 3. Di akses pada 8 Jan. 2014. [www.amanie-iconnect.com/library/featured\\_article/](http://www.amanie-iconnect.com/library/featured_article/)

Abdul Razak Idris, (2015, 7 April), Ramai Pelajar Melayu Di Luar Negara ‘Merana’. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/ramai-pelajar-melayu-di-luar-negara-8216-merana-8217-1.78316>. Diakses pada 5 Oktober 2015.

P01, “Temubual oleh Pengkaji”, (2015, 15 Januari), 2.30 - 4.30 petang, Pejabat IEF, Gombak, Selangor.

P02, “Temubual oleh Pengkaji”, (2015, 13 Februari), 10.00-11.30 pagi, Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Shah Alam, Selangor

P03, “Temubual oleh Pengkaji”, (2014, 20 Februari), 10.00-11.30 pagi, 2.30 - 4.30 petang, Pejabat IEF, Gombak, Selangor.